



inspirasi 101

Pameran Seni Visual Pensyarah-Pensyarah
Jabatan Tahun Satu, Pusat Pengajian Seni Halus & Budaya Visual



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



GALERI SENI
TUANKU NUR ZAHIRAH
creativity **inspires** innovation

کریاتیویٹی منجوسکن اینوواسی

gesturz

inspirasi 101

Pameran Seni Visual Pensyarah-Pensyarah
Jabatan Tahun Satu, Pusat Pengajian Seni Halus & Budaya Visual

**Azhar Manan | Irma Murni | Siti Hajar | Hidawati | Khairul Zikri
Rosliza | Syafril Amir | Noriza Arzain | Zuriati | Mumtaz Mokhtar**



Pengenalan

Inspirasi di terjemahkan sebagai “pengaruh yg menggerakkan kecergasan daya cipta (dalam kesusasteraan, muzik, seni lukis dll); inspirasi; ilham, orang atau benda yg member ilham; akal atau idea baik yang datang pada fikiran” (Kamus Dwibahasa, DBP).

Nombor 101 pula merujuk kepada kod kursus asas yang diajar di kolej atau universiti di Australia, Kanada, Afrika Selatan dan Amerika Syarikat. Ia direka agar pertukaran pelajar di antara satu kolej atau universiti dengan kolej atau university yang lain menjadi lebih mudah di mana dalam bentuk teorinya setiap kod kursus yang didaftarkan di satu-satu institusi akan membawa kepada standard yang sama dengan kod kursus dimana-mana sahaja kolej dan universiti dalam sesuatu negeri. Kod 101 secara amnya merujuk kepada kursus atau subjek peringkat asas. Di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM, kursus-kursus studio di semester 01 ada juga di mulakan dengan nombor 101. Sebagai contoh FND101 adalah kod kursus Penyelidikan Tampak yang ditawarkan di semester 01.

Pameran bertajuk INSPIRASI 101 ini membawa maksud pameran oleh pensyarah-pensyarah yang mengajar pelajar-pelajar Sarjana Muda (kepujian) dan Diploma semester 01 dan 02 Fakulti Seni lukis dan Seni Reka, Shah Alam. Kursus-kursus studio yang mereka ajar juga adalah kursus-kursus di bawah kurikulum dan silabus di peringkat asas. Boleh juga di anggap Pameran INSPIRASI 101 ini adalah satu pameran yang pertama kali di sertai oleh semua pensyarah-pensyarah dari Jabatan Tahun Satu, FSSR UiTM Shah Alam dalam abad ke -21 ini. Pada abad lepas pernah juga di adakan pameran yang disertai oleh pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus studio Jabatan Tahun Satu seperti Pameran ‘Tanda’ di Galeri Tangsi, Kuala Lumpur(2000) dan Pameran Setulus Budi di Galeri Shah Alam (1995). Malangnya dalam kedua-dua pameran ini tiada katalog atau dokumentasi dikeluarkan.

Pameran INSPIRASI 101 ini adalah satu pameran yang mempamerkan lebih 40 buah karya oleh 10 pensyarah dari Jabatan Tahun Satu, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Pensyarah yang terlibat adalah Khairul Zikri Abdullah, Mohd Azhar Abd Manan, Zuriati Mohamed Shaari, Mumtaz Mokhtar, Noor Hidawati Mohd Amin, Siti Hajar Abd Rahman, Irma Murni Ismail, Rosliza Abdul Rahim, Syafril Amir bin Muhammad dan Noriza Arzain. Dalam pameran ini karya-karya yang dipamerkan kepada khalayak adalah berdasarkan inspirasi, pengalaman, idea dan emosi setiap individu. Idea-idea ini diterjemah dan divisualisasikan serta dipersembahkan agar dapat berkomunikasi dan dihayati pula dengan penghayat dan pencinta seni.

Dari karya-karya yang dipamerkan dapat dilihat bagaimana pengkarya mengolah dan menterjemahkan idea yang diinspirasikan dari pengalaman dan persekitaran masing-masing. Sebagai contoh Zuriati dengan catan bertajuk 'Fancy Diary : Spring Cleaning' menggunakan bahan campuran atas kanvas yang merupakan salah satu karya dari Siri Fancy Diary. Karya ini lebih menjurus kepada diari visual yang merekodkan gambaran kenangan atau memori indah bersama anak-anak beliau. Ilham atau idea ini bermula pada ketika tercari-cari ilham untuk berkarya, beliau terlalu ingin merakamkan kisah anak-anak pada kanvas. Namun ketika itu masih belum bertemu dengan subjek yang benar-benar dapat menggambarkan mereka di mata beliau.

Dalam karya Zuriati yang bertajuk 'Fancy Diary : Breakfast In The Garden' pula, ia bercerita tentang aktiviti waktu pagi bersama anak-anak dan suami. Aktiviti seharian untuk memujuk anak-anak bangun dari tidur yang lena agar tidak membuat anak-anak merajuk dan menangis dijadikan isu dalam karya ini. Dalam karya ini meja dan kerusi berbentuk 3-dimensi dan yang lain-lain subjek berbentuk 2-dimensi dijadikan subjek dalam komposisi. Subjek-subjek dalam karya beliau diolah menggunakan teknik kolaj dengan penggunaan warna-warna yang dapat membangkitkan gambaran ceria dan suasana yang sesuai dengan persekitaran kanak-kanak.

Bagi Noor Hidawati pula karya beliau berinspirasi pengalaman di tempat pembuangan sampah. Pengalaman melihat, mengutip dan mengumpul bahan-bahan buangan buatan manusia semasa menjalankan dan menyiapkan satu penyelidikan dijadikan idea untuk melahirkan beberapa karya dalam bentuk 3-dimensi. Bahan-bahan buangan ini dikitar dan diubah semula fungsi dan penggunaannya. Dari satu bahan yang dianggap 'sampah' dan tiada nilai, telah berjaya di ubah kepada satu bentuk atau objek lain yang berfungsi. Ia boleh dijadikan sebagai tempat duduk atau lain-lain fungsi mengikut kehendak pengguna. Maka lahirlah karya-karya seperti 'Kongsi Bertiga' dan 'Madam'. Demam bola sepak Euro 2012 juga di jadikan inspirasi dalam karya. Karya bertajuk 'Bangkula- EORO 2012' merupakan sindirian sinis terhadap ketidak mampuan beliau bermain atau memahami seluk-beluk permainan bola sepak serta kegilaan peminat bola sepak yang sanggup bersengkang mata menonton setiap perlawanan bola sepak Euro 2012 ini.

Bercerita tentang kehidupan dan mengangap kehidupan ini adalah satu 'transit' menjadi tema dalam karya-karya Siti Hajar Abd Rahman. Adalah sesuatu yang menarik bila dilihat dan dikaitkan kehidupan manusia bermula dari satu 'titik'. "Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dari (setitis) air mani yang bercampur (benih lelaki dan perempuan) untuk kami mengujinya..". [Al-Insan: 2]. Ia merupakan transit pertama kejadian manusia. Beberapa proses dan kejadian sehingga dilahirkan ke dunia adalah ketentuan ilahi termasuklah bila terbentuknya segumpal darah, daging, tulang, ditiupkan ruh dan sebagainya. Kemudian melalui proses yang ditentukan oleh Allah, berlaku transit kedua bila manusia dilahirkan ke dunia dan titik-titik ini akan bergerak menjadi satu garisan iaitu kehidupan manusia di muka bumi yang jangka masa hayatnya tidak diketahui oleh manusia. Kemudian garisan ini akan bertemu dengan satu titik penghabisan. Iaitu bila manusia dimatikan yang merupakan transit terakhir kehidupan manusia dan transit keempat bila manusia dibangunkan di Padang Mahsyar untuk diadili. Kalau diterjemahkan dan difahami sebenarnya kehidupan kita merupakan satu 'Garis'. Panjang atau pendeknya garisan itu bukan kita yang menentukannya.

Dalam karya Siti Hajar beliau membuat pemilihan yang berhati-hati tentang pemilihan jenis jarum, benang, warna, subjek dan fabrik yang digunakan dalam karya. Telah menjadi fitrah manusia untuk berhati-hati membuat pilihan dan keputusan dalam setiap perbuatan dan tindakan. Ini kerana yang baik akan menyerap baik dan yang jahat akan susah untuk dikeluarkan. Proses beliau mengolah setiap karya menggunakan bahan-bahan yang sesuai terutama teknik jahitan seolah-olah menggambarkan 'perjalanan' kehidupan manusia yang bermula dari satu 'titik' menjadi satu garisan yang berbagai sifat dan ciri dan akhirnya bertemu dengan titik penghabisan atau manusia dimatikan atau selesainya jahitan terakhir dalam karya.

Berbeza dengan karya Rusliza walaupun memperkatakan tentang kehidupan tetapi dalam konteks yang berbeza. Beliau memperkatakan tentang proses kejadian manusia yang sangat kompleks dan sukar difahami oleh manusia itu. Dari pertemuan dua benih (lelaki dan perempuan) peringkat nutfah (dalam minggu pertama), alaqah (hujung minggu pertama), peringkat mudghah, izam dan lahm, nasy'ah khalqan sehingga ke peringkat nafkhur-ruh atau peringkat peniupan roh kedalam jasad adalah sesuatu yang kompleks dan hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Peniupan roh kedalam jasad disepakati oleh para ulama' berlaku selepas empat puluh hari dan selepas terbentuknya organ-organ tubuh termasuk organ seks. Walaupun masih berada di dalam rahim, jasad telah perhubungan dengan Allah melalui ikatan kesaksian sebagaimana yang disebutkan dalam surah al-A'raf: 172. Rosliza Aishah cuba menyelami dan menginsafi kehidupan dan kejadian manusia lewat karya catan beliau. Rujukan dan kajian menerusi bahan-bahan bacaan dan bukti klinikal dibuat bagi memantapkan idea. Eksperimentasi bahan dan kesan ke atas permukaan serta lakaran idea dibuat berdasarkan inspirasi dan idea tersebut. Maka lahirlah beberapa catan di antaranya 'Floating', yang dibuat pada tahun 2008 menggunakan bahantara cat minyak di atas kanvas. 'Fetus' (2008) pula menggunakan bahan campuran atas kanvas dan 'Dalam Alam I' (2009) menggunakan bahantara cat minyak atas kanvas.

Syafril Amir Muhammad menggunakan potret sebagai subjek dalam karya. Catan potret yang mempunyai sejarah yang panjang dalam perkembangan seni lukis dunia cuba di olah semula mengikut kefahaman dan cita rasa beliau. Gambaran potret lelaki tua dijadikan subjek hasil dari pengalaman selama empat tahun bertugas di University of Science and Technology

Yemen terutamanya di Bandar Bab al-Yaman di mana beliau melihat bagaimana ramai golongan lelaki yang berusia lanjut menghabiskan masa berada di masjid beriktikaf, membaca al'quran, berzikir, belajar dan mendalami ilmu agama. Beliau melihat bagaimana setiap lelaki tua mempunyai karektor dan personaliti yang tersendiri terutama cara mereka berpakaian, riak wajah yang menyenangkan serta budi bahasa yang menampakkan keikhlasan yang begitu nyata. Disamping itu juga ia menyedarkan beliau bahawa akan tiba masanya nanti beliau dan kita semua akan merasai usia tua dan meninggalkan dunia yang fana ini. Memang tidak dapat di sangkal lagi bahawa semua ciptaan Allah akan dimatikan juga pada masa dan ketika yang kita tidak mengetahuinya. "Katakanlah, Allahlah yang menghidupkan kamu, kemudian mematikan kamu, setelah itu mengumpulkan kamu pada Hari Kiamat yang tidak ada keraguan padanya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui" (Al-Jatsiyah:26). Pengalaman visual melihat wajah-wajah lelaki tua ini dirakamkan beliau dalam bentuk catan menggunakan akrilik di atas kanvas. Karya-karya bertajuk 'Amu Burtuqal', 'Amu 'Aliy' dan 'Amu Bab' adalah hasil dari pengalaman visual yang dapat Syafril Amir lahirkan hasil dari pengalaman beliau bertugas di Yemen itu.

Bagi Mohd Azhar Abd Manan, melukis adalah sesuatu yang penting dalam proses berkarya. Kemampuan manusia melukis dapat dikesan seawal umur 18 bulan lagi. Walaupun menurut Serge Tisseron dalam esainya "All Writing is Drawing"(1994) pada tahap ini mata mengikut pergerakan tangan walaupun tidak mengawal pergerakan tangan sepenuhnya. Proses mencipta, mereka bentuk dan berkarya perlu dimulakan dengan proses membuat lukisan dengan memahami kaedah melihat, kefahaman tentang bahan, permukaan dan sebagainya. Subjek yang hendak dilukis juga perlu dilihat dengan teliti. Proses melihat juga perlu dilatih. Subjek jika dilihat seimbans lalu mungkin tidak akan nampak sifat subjek tersebut, karektor dan sifat permukaan. Dalam pameran ini beliau mengambil batu karang dan sejenis bunga sebagai subjek rujukan. Maka lahirlah karya-karya bertajuk 'Drawing #3-2011' (bahan arang di atas kanvas) dan 'Drawing #5-2011' menggunakan bahan campuran di atas kanvas.

Kolaj atau Collage(Inggeris), berasal dari bahasa Peranchis 'coller' yang bermakna 'to glue, paste'. Ia juga boleh di terjemahkan sebagai melekatkan sesuatu di atas permukaan. 'Sesuatu' di sini adalah bahan atau media. Secara asasnya, segala yang di

lekatkan di atas permukaan boleh di tafsirkan sebagai hasil karya kolaj. Tentu sesuatu yang menarik bila kita melihat cebisan kertas di atas dinding, cebisan poster, atau apa saja yang terlekat di atas dinding rumah, bangunan, kenderaan atau pokok sebagai karya seni kolaj. Dengan itu seolah-olah kita akan menjadi seorang penghayat seni yang unggul, di mana setiap benda yang wujud di dunia ini adalah satu karya seni. Teknik kolaj ini telah dimanipulasi oleh Noriza Arzain dalam karya beliau dalam Pameran Inspirasi 101 ini. Cebisan kertas surat kabar, majalah, resit pembelian dan sebagainya adalah bahan yang digunakan dan di lekat di atas panel-panel kanvas berbagai saiz. Imej kamera dilukis menggunakan elemen garisan di atas setiap permukaan panel kanvas tersebut. Karya ini boleh di jadikan sebagai rakaman satu jurnal visual pengkarya. Setiap bahan dan imej yang di ambil dapat di kaitkan dengan aktiviti harian atau tempat-tempat yang beliau lawati atau kunjungi. Imej kamera ini dapat dijadikan sebagai simbol rakaman memori dan merupakan alat yang sangat penting dalam merakamkan setiap peristiwa sepanjang zaman. Penggunaan dan kefahaman beliau dalam teknik kolaj ditunjukkan dalam karya-karya bertajuk 'Vintage of Life', 'Moment in Time', dan 'Priceless Memory'.

Melihat karya-karya Irma Murni pula, beliau merujuk kepada isu dan kemusnahan alam. Beliau berharap sedikit sebanyak karya-karya yang dilahirkan akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keindahan alam semulajadi yang perlu dipelihara dan dikekalkan daripada menjadi mangsa kerakusan dan keganasan manusia yang terlalu mengejar kemajuan dunia. Selain daripada itu, beliau ingin mengajak umum agar berfikir, mengkaji dan merenung akan keagungan dan kebesaran Allah Maha Pencipta yang mencipta alam untuk dihayati dan dihargai oleh semua manusia sebagai tanda mereka bersyukur.

Seni lipatan kertas Jepun atau lebih dikenali sebagai Origami bermula sejak Abad ke-17 lagi dan popular di luar negara Jepun dalam pertengahan 1900an. Perkataan 'ori' yang bermaksud 'lipatan' dan 'gami' bermaksud 'kertas' dibuat tanpa menggunakan sebarang pelekat atau dipotong-potong mengikut corak yang dikehendaki. Bagi Dr. Mumtaz Mokhtar beliau menggunakan origami dan tulisan jawi dan mencetak nama-nama Allah dalam siri karya bertajuk 'La Tahzan' di atasnya. Ia

berinspirasi dari 'La-Tahzan' buku penulisan Dr. Aidh al-Qarni yang telah diterjemahkan oleh Norainie Abu dengan tajuk 'Jangan Bersedih'. Bagi Dr. Mumtaz, cabaran, pengalaman dan pahit getir yang bercampur-baur dengan perasaan gembira, sukaduka menyiapkan penyelidikan peringkat Doktor Falsafah, telah cuba mempositifkan kenyataan 'Jangan Bersedih' menjadi 'bergembiralah!, bersenanglah!, optimis dan tenanglah serta perasaan positif lain yang dapat memujuk jiwa agar sentiasa tenang, bersyukur dan menyerahkan jiwa dan rohani sepenuhnya hanya kepada Allah. Bagi menyempurnakan tujuan tersebut maka diambil beberapa nama Allah seperti Ar-Rahman (Maha Pemurah), Al-Khaliq (Maha Pencipta), Al-Alim (Maha Mengetahui), An-Nur (Pemberi Cahaya), Al-Hakim (Maha Bijaksana) dan lain-lain dan digunakan dalam karya beliau dalam siri 'La-Tahzan' ini. Sesuatu yang menarik dalam karya ini adalah gabungan unsur timur iaitu seni lipatan origami Jepun digabungkan dengan corak arabes yang selalu di kaitkan dengan seni Islam itu. Penggunaan kertas putih itu sendiri dengan cetakan nama Allah dalam tulisan jawi boleh di terjemahkan sebagai betapa suci bersih dan agungnya nama-nama Allah ini. Tulisan jawi itu sendiri di kaitkan dengan tulisan dalam kitab suci Al'Quran. Tulisan jawi itu sendiri telah wujud di Kepulauan Melayu sejak 1300M. Kalau di Semenanjung Malaysia penemuan tulisan Jawi Purba di Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303M(702H) adalah satu bukti bahawa tulisan jawi telah menjadi satu bentuk tulisan untuk berkomunikasi yang telah digunakan dan telah wujud cukup lama di Semenanjung Tanah Melayu ini. Secara tidak langsung beliau cuba mendaulatkan kembali penggunaan tulisan jawi sejak penggunaannya hampir terkubur walaupun dalam konteks yang kecil. Namun sekurang-kurangnya tulisan jawi akan dapat menarik pengkarya-pengkarya lain menggunakannya dalam karya mereka nanti.

Pameran Inspirasi 101 ini adalah urutan daripada banyak pameran yang telah diadakan oleh Fakulti dan Jabatan-Jabatan dalam fakulti sejak zaman Kajian Seni Lukis & Seni Reka lagi. Aktiviti berpameran merupakan medan bagi ahli-ahli fakulti dalam semua bidang atau lebih di kenali sebagai Jabatan untuk mempamerkan karya atau ciptaan mereka. 'ILHAM' adalah pameran fakulti yang sering di adakan bagi tujuan tersebut. Walaupun tidak di adakan saban tahun namun setiap kali pameran ini diadakan pastinya mendapat sambutan dari khalayak dan pencinta seni visual tanah air. Pameran Inspirasi 101

ini adalah satu usaha kecil pensyarah-pensyarah Jabatan Tahun Satu FSSR dalam meneruskan tradisi berpameran yang telah dipelopori oleh pendokong-pendokong seni ulung fakulti yang terdahulu. Aktiviti ini akan tetap diteruskan di masa-masa akan datang di tempat dan format yang mungkin berbeza. Paling utama adalah para pensyarah mempunyai medan untuk mempamerkan karya-karya ciptaan mereka.

Mohd Azhar Abd Manan

Kurator Tamu

Pensyarah Kanan

Jabatan Tahun Satu

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

UiTM Shah Alam

MOHD AZHAR MANAN

Tel : 6012-5553157, 603-55441843

Email : azharmanan@yahoo.com / azharmanan@gmail.com

PENSYARAH KANAN, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Halus, The Maryland Institute, College of Art, Baltimore, Maryland, USA

Anugerah

2012 - Creatives in Residence, Sunhoo Industrial Design Innovation Park, Fuyang, China

2004 - Saguhati Pertandingan Bangunan Bersejarah Johor, Yayasan Kesenian Johor

1996 - International Sculpture Event, Toolangi Forest Development Center,
Melbourne, Australia. (UNESCO/IAA)

1994 - Tempat pertama- 11th Annual Open Exhibition 1994, Royal Over-Seas League, London
Honourable Mention-Philip Morris Group of Companies Malaysian Art Award 1994

1991 - Minor Award (Sculpture) – Salon Malaysia.

Minor Award - Young Contemporary, Competition & Exhibition-BSVN

Pameran

2012 - Inspirasi 101, Galeri Seni Tengku Nur Zahirah, UiTM, Shah Alam, Malaysia.

Creatives in Residence, SUNHOO Industrial Design Innovation Park, Hangzhou, China.

2011 - "Apa Kata Sifu", Galeri Petronas, Kuala Lumpur Malaysia


6th Kyoto International Woodblock Association(KIWA) Exhibition-, Kyoto, Japan

2009 - Pameran ILHAM, MIDF, Kuala Lumpur


2008 - SUSUR MASA- BSVN, Kuala Lumpur

2006 - THE 4TH INTERNATIONAL PAINTING BIENNIAL of the ISLAMIC WORLD, Saba Art
and Culture Complex, Tehran, Iran.





DRAWING #3- 2011
Media Campuran
59.8" X 59.8"
2011



DRAWING NO.5 - 2011
Media Campuran
59.8" X 59.8"
2011

SITI HAJAR BINTI ABD RAHMAN

Tel : +6012 258 9031

Email : sitih299@salam.uitm.edu.my / hajar_ct81@yahoo.com

PENSYARAH, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Halus & Teknologi (Seni Cetak), UiTM Shah Alam

Anugerah

2011 - Tempat pertama Piala Seri Endon (kraf)

Pameran

2009 - Pameran Tampannya Budi, BSVN

2008 - Pameran Serangkaian Rupa 2008, Galeri Tuanku Nur Zahirah, UiTM

Pameran Srikandi : Sentuhan Seni Jiwa Wanita, Melaka

Pameran Pasir Salak, UiTM Perak

2007 - Pameran Biasan FSSR, Galeri UiTM Perak

Master Showcase, UiTM Shah Alam

2003 - Pameran Terbuka 2003, Galeri Shah Alam


SATU: Art Show, UiTM Shah Alam

'Spirit of Merdeka' Exhibition & Live Drawing, Mid Valley, KL


2002 - Jejak Seni Taiping

Pameran 17th World Orchid, The Mines Resort City

Live Drawing Orchid, Galeri Shah Alam



ATAS TRANSIT I
Media Campuran
19.8" x 19.8"
2012



ATAS TRANSIT II
Media Campuran
36" x 77"
2012

noorhidawati mohammed amin

Tel : +6019 331 7001

Email : hidawati_amin@salam.uitm.edu.my

PENSYARAH, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Halus & Teknologi (Seni Catan), UiTM Shah Alam

Anugerah

2011 - Tempat pertama Piala Seri Endon (Kraf)

2010 - Tempat kedua Piala Seri Endon (kraf)

- Pingat Perak IID

2007 - Tempat ketiga Piala Seri Iman (kraf)

Pameran

2008 - Pameran Srikandi :Sentuhan Seni Jiwa Wanita

2005 - Pameran Getaran, Galeri Shah Alam

- Miniature Painting, Galeri Maya

2004 - Pameran Ilham, FSSR UiT M Shah Alam

Pameran Ekspresi Jiwa Merdeka, UiTM Kelantan

Pameran Terbuka, Galeri Shah Alam



BANGKULA EURO2012
2012



LOVE PILLOW
2012



'UddDAaaRa'
2012



KONGSI BERTIGA
2012



MADAM
Media Campuran
11" x 28"
2012

NORIZA ANZAIN

Tel : +6012 5646431

Email : norizaarzain272@gmail.com

PENSYARAH, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Halus & Teknologi (Seni Cetak), UiTM Shah Alam

Anugerah

2009 - Saguhati Pameran Terbuka Johor, Galeri Seni Johor

2005 - Finalist Nokia Art Award 'Breaking Barriers', Ramsey Ong Gallery
Finalist Young Contemporary Artist

Pameran

2012 - Pameran "Rubanization", Galeri Tuanku Nur Zahirah, UiTM Shah Alam

2011 - Pameran "Ketumbukan" :PIPE: Alternative Print, USM Pulau Pinang

2010 - "Generate", Galeri Pace, KL

2009 - Pameran Seni Johor, Galeri Seni Johor

Print Show, Threesixty Development Studio, KL

"V"-Version 1, Threesixty Development Studio, KL

"Seni Muda / Young Art", "RA Fine Arts Gallery, KL

Pameran Terbuka, Galeri Shah Alam


2008 - "Srikandi" Pameran Seni Visual Wanita, Balai Senilukis Melaka


2007 - "Virtuosity", Pameran Wanita dan Seni, Galeri Seni Johor

Pameran Kami, Uitm Perak


2006 - Open House Show, Galeri Gema Rimba Bukit Tunku

"Printworks" - Galeri Maya, Bangsar






ME, MYSELF AND MEMOIR
Media Campuran Kolaj
1' x 1' (6 pcs)
2012



ME, MYSELF AND MEMOIR II
Media Campuran Kolaj
1' x 1' (3 pcs)
2012



MOMENT IN TIME
Media Campuran Kolaj
22" x 15"
2012



PRINCELESS MEMORY
Media Campuran Kolaj
22" x 15"
2012



VINTANGE OF LIFE
Media Campuran Kolaj
22" x 27"
2012

ROSLIZA ABDUL RAHIM

Tel : +6019 2651516

E mail : Roslizaishah@yahoo.com

PENSYARAH KANAN, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Halus, Manchester Metropolitan University, U.K.

Anugerah

2010 - Tempat kedua Citra Terengganu

1998 - 1999 - Honourable Mention; Philip Morris

1997 - 1998 - Honourable Mention; Philip Morris

1995 - 1996 - Saguhati, Landscapes Malaysia

Pameran

2011 - Pameran Terbuka , Galeri Chandan

Pameran Terbuka Kedah, Galeri Seni Negeri Kedah

UOB Art competition , Kuala Lumpur

Malaysian Rice Plate Project. Wei-Ling Galeri ,KLCC.

AR-RIYAD SHOW, Galeri Chandan.

2010 - Bakat Muda Sezaman ,Balai Seni Visual Negara

Citra Terengganu. Muzium Terengganu


2009 - V: Version One, Galeri Three sixty K.L

2008 - "Belek-Belek" oleh pensyarah FSSR UiTM Melaka, Galeri NN

- "Srikandi" sentuhan jiwa wanita, Galeri Melaka.



PEREMPUAN
Media Campuran
3' x 4'
2007



DALAM BERJUTA I
Media Campuran
2' x 3'
2007



ANTARA
Cat Minyak atas Kanvas
6' x 8'
2008



TERAPUNG DI PERSIMPANGAN

Cat Minyak atas Kanvas

5' x 5'

2008

Zuriani Mohammed Shaari

Tel : +6016 9419433

Email : zurin_ms@hotmail.com

PENSYARAH, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Halus Dan Seni Reka, University of Tasmania, Australia

Anugerah

- 2011 - Tempat Pertama Piala Seri Endon (Kraf)
- 2010 - Top 40 Pertandingan Festival Seni, Starhill
- 2007 - Piala Seri Endon (Finalist), Kategori Kraf
- 2006 - Piala Seri Iman (Finalist), Kategori Fesyen

Pameran

- 2012 - Pameran Terbuka , Galeri Shah Alam
 - Pameran Kartun, Galeri Shah Alam
- 2010 - Pameran Festival Seni, Starhill KL
 - Silaturahmi Ramadhan 1431H , Galeri Tuanku NurZahirah
- 2009 - Pameran Terbuka, Balai Seni Lukis Negara, KL
 - Tampannya Budi , Balai Seni Lukis Negara, KL
 - Poster & Mail Art Exhibition, Galeri Shah Alam
 - Pameran Ilham , MIDF, KL
 - Pameran Koleksi Saya, Balai Seni Lukis Negara, KL
- 2005 - Pameran Getaran, Galeri Shah Alam
 - Miniature Painting, Galeri Maya



**FANCY DIARY : SPRING
CLEANING 24 MAY 2010**
Media Campuran
2010



**FANCY DIARY : THE GUN AND THE
ELEPHANT WATERING POT**
Media Campuran
36" x 36"
2012



**FANCY DIARY : THE BATHROOM
SONG**
Media Campuran
47.2" x 35.4"
2012



**FANCY DIARY : AN AEROPLANE
AND THE ELEPHANT SONG**
Media Campuran
31.5" x 42"
2012



**FANCY DIARY : WHEN YOU
WHERE A BABY**
Media Campuran
40" x 10.5"
2012



**FANCY DIARY : AN AEROPLANE
AND THE ELEPHANT SONG**
Media Campuran
31.5" x 42"
2012



**FANCY DIARY : WHEN BEN 10
EATS AND GOES TO SCHOOL**
Media Campuran
12" x 12"
2012

SYAFRIK AMIR

Tel : +60165497113

Email : task2amir@gmail.com

PENSYARAH, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM

Anugerah

1999 - Honourable Mention- Pameran Phillip Morris, BSVN

Pameran

2009 - Pameran 'Sana'a Re-interpertation', Sana'a Culture House, Tahrir, Yemen

2007 - Pameran 'Kenyir Panorama', Muzium Losong, Terengganu

2006 - Malaysian Independence exhibition', Wisma Pahang

2005 - Pameran Ilham, FSSR UiTM Shah Alam


'Pahang Mangroove', Wisma Belia, Pahang

2004 - Pameran 'Seiringsejalan', Wakaf Gallery, IKIP

2003 - Pameran terbuka, Galeri Shah Alam


1998 - Pameran 'Pahang Rainforest', Wisma Yayasan Pahang

- Pameran terbuka, Galeri Shah Alam





AMU BURTUQAL
Media Campuran
42.6" x 54"
2012



AMU ALI
Media Campuran
90" x 137"
2012



AMU AL-BAB
Media Campuran
43" x 42"
2012

mumtaz mokhtar

Tel : +60123049412

Email : mumtazmikaail@gmail.com

PENSYARAH KANAN, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Phd, Seni Halus & Teknologi, UiTM Shah Alam

Pameran


2008 - Pameran Seni Visual Wanita Srikandi, Melaka

2007 - Pameran Ilham, MIDF KL

2005 - Digital Photography, Portrait of Tsunami Victims (Kedah) &
Portrait of My Daughters, UiTM Kedah.

2004 - Pameran Ilham, FSSR, UiTM Shah Alam





LATAHZAN
Cetakan Digital & Origami
11" x 11"
2012

Khairul Zikri Abdullah

Tel : +6012 552 9953

Email : khair30705@yahoo.com

PENSYARAH, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Halus & Teknologi (Seni Cetak) UiTM, Shah Alam

Anugerah

2010 - Finalist Visual Art Award , Starhill Gallery.KL

2005 - Finalist Nokia Art Award

Pameran:

2011 - Kyoto International Woodprints, Kyoto Japan.

2010 - Visual Art Award, Galeri Star Hill Kuala Lumpur.

Penang International Printmaking, USM Penang.

2009 - Malaysian Exhibition, Sana'a Cultural House, Yemen

2006 - "Harmonius 5" at Galeri D' Dance

- Open House Show Galeri Gema Rimba Bukit Tunku

- In Print Exhibition , BSVN Kuala Lumpur

- Miniature Painting" - Galeri Maya, Bangsar

- Pameran Master, FSSR, UiTM Shah Alam


- Nature Exhibition - FSSR, UiTM Shah Alam

2005 - Pameran "Sulung", UiTM Shah Alam.


- "Gerak Rasa", UKM.

- "Traditional Print", Galeri Maya, Bangsar





LIVING of KINGDOM
Media Campuran
3.9' x 4.3'
2012



MYTH of SABA'
Media Campuran
4.3' x 4.6'
2012

IRMA MURNI ismail

Tel : +60136766066

Email : imacolour74@yahoo.com

PENSYARAH, Jabatan Tahun Satu, FSSR, UiTM Shah Alam

Sarjana Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Shah Alam (Tekstil)

Anugerah

- 2007 - Saguhati Conservation of Nature and Environment Art Competition, Hotel Palace of Golden Horses, KL
- 2004 - Consolation Prize, 12th Shah Alam Orchid Festival, Galeri Shah Alam
- 2002 - Saguhati, Pertandingan Mewarna dan Melukis 17th World Orchid Conference 2002, MBSA Laman Budaya, Shah Alam
- 2001 - Consolation Prize, Mesra Rakyat Shah Alam, MBSA
- 2010 - Saguhati, Expression of Beautiful Selangor, Galeri Shah Alam

Pameran Solo

- 2006 - Visual Language of Nature: Unfold The Hidden Secrets, Artseni Gallery, Starhill, Kuala Lumpur.
- 2005 - Solo Exhibition : The Sign of Nature Galeri Seni, FSSR, UiTM sponsored by Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), Rabat, Kingdom of Morocco.

Pameran

- 2007 - Wanita dan Seni : Virtuosity, Yayasan Warisan Johor, JB
- 2006 - 1+1+1+1+1+1+1+1+1+1+1+1+1+1+1 Malaysian Artists Exhibition, Jiiva Fine Art, Jakarta, Indonesia



GOLDEN AGE
Media Campuran
3' x 3'
2006



**THE SIGN OF NATURE -
EARTH SURVIVAL**
Media Campuran
2' x 2'
2006

Penghargaan

Kurator tamu

En Mohd Azhar Abd Manan

Karya tamu

En Mohd Azhar Abd Manan

En Khairul Zikri Abdullah

En Syafril Amir Muhammad

Pn Zuriati Mohammed Shaari

Pn NorHidawati Mohammed Amin

Pn Noriza Arzain

Pn Siti Hajar Abd Rahman

Dr. Mumtaz Mokhtar

Pn Rosliza Abd. Rahim

Pn Irma Murni Ismail

Pengurus Acara dan Pameran (Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah)

En Nurul Muzamel Rasidi

Komunikasi Kuratorial

Pn Nadya Ahmad Kamal

Pengurus Acara

Pn Siti Soleha Salamun / Pn Noriza Arzain

Grafik

Pelajar Praktikal
Fotografi

En. Zamri Rosli
En. Zairi Ramli
Teknikal Kuratorial

Salam Penghargaan dan Terima Kasih

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM
Jabatan Tahun Satu, Pusat Pengajian Seni Halus dan Pengajian Budaya Visual
Pusat Percetakan UiTM
Pejabat Bendahari, UiTM (UKW Zon 12)
Pejabat Canseleri, UiTM
Jabatan Komunikasi Korporat, UiTM
Pejabat Pengurusan Fasilitas, UiTM
Pejabat Polis Bantuan, UiTM
Fuji Xerox Malaysia
Norza Catering and Services



cetakan oleh

join gesturz on facebook

GALERI SENI
TUANKU NUR ZAHIRAH
creativity **inspires** innovation

gesturz

کریستویتی منجیو سن اینوواسر

<http://artgallery.uitm.edu.my/>